

Keberkesanan Modul Pencegahan Penyalahgunaan Dadah Dan Bahan Berasaskan Kerohanian, Ketegasan Kendiri, Dan Pengetahuan (MPDKKP) Terhadap Penyalahgunaan Dadah Dan Bahan

(The Effectiveness Of Drug And Substance Abuse Prevention Module Based On Spirituality, Self-Assertiveness, And Knowledge (MPDKKP) Against Drug And Substance Abuse)

Amin Al Haadi Shafie^{1*}, Abdul Rashid Abdul Aziz^{1,2}, Dini Farhana Baharudin^{1,2},
Khatijah Othman^{1,4}, Ahmad Najaa Mokhtar^{1,2}, Suzaily Wahab⁴,
Durrah Athirah Walid¹, Nurhafizah Yassin¹, Mohd Azwan Fakhruddin Abd Halim^{1,2}

¹ Pusat Penyelidikan Penyalahgunaan Dadah Asian, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru Nilai, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

² Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru Nilai, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

³ Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, Malaysia

⁴ Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam

* Pengarang Koresponden: amin@usim.edu.my

Received: 23 September 2023 | Accepted: 14 November 2023 | Published: 1 December 2023

DOI: <https://doi.org/10.55057/ajress.2023.5.4.10>

Abstrak: Kajian keberkesanan modul pencegahan penyalahgunaan dadah dan bahan yang berasaskan kerohanian telah dilaksanakan oleh penyelidik kepada belia yang tinggal di sebuah daerah berisiko tinggi di utara semenanjung Malaysia. Objektif utama kajian ini ialah melihat kesan modul kerohanian pencegahan penyalahgunaan dadah terhadap (1) kerohanian, (2) ketegasan kendiri dan (3) pengetahuan mereka terhadap penyalahgunaan bahan dan dadah. Sampel kajian dibahagikan kepada kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan bagi peringkat pra dan pasca. Kajian ini menggunakan rekabentuk Eksperimen Tulen yang melibatkan dua buah kumpulan belia dari Kawasan zon yang berbeza dan setiap kumpulan terdiri daripada 33 orang (kumpulan eksperimen dan kawalan). Intervensi berbentuk psikopendidikan sebanyak 7 sesi pertemuan diberikan kepada kumpulan eksperimen manakala kumpulan kawalan tidak diberi sebarang intervensi. Hasil daripada perbandingan ujian pra dan pasca menunjukkan bahawa terdapat peningkatan nilai min yang signifikan bagi kerohanian (nilai min dari ujian pra = 172.24 dan ujian pasca = 188.12), ketegasan kendiri (nilai min dari ujian pra = 99.48 dan ujian pasca = 106.42) dan pengetahuan tentang penyalahgunaan dadah (nilai min dari ujian pra = 57.59 dan ujian pasca = 65.61) untuk kumpulan eksperimen yang melalui intervensi yang diberikan oleh fasilitator terlatih menggunakan modul kerohanian ini. Hasil keputusan min kumpulan kawalan pula menunjukkan tiada peningkatan min bagi ketiga-tiga pemboleh ubah yang dikaji. Daripada hasil keputusan kajian ini boleh dirumuskan bahawa modul MPDKKP dalam pencegahan penyalahgunaan dadah ini dapat membantu para belia dari terjebak dengan penyalahgunaan bahan dan dadah serta menikmati hidup yang lebih positif.

Kata kunci: Kerohanian, Modul Pencegahan, Penyalahgunaan Dadah, Ketegasan Kendiri, Modul.

Abstract: *A study on the effectiveness of a module for preventing drug and substance abuse with a spiritual basis was conducted by researchers among youth residing in a high-risk area in northern Peninsular Malaysia. The main objective of this study was to assess the impact of the spiritual-based drug abuse prevention module on (1) spirituality, (2) self-assertiveness and (3) their knowledge of drug and substance abuse. The study sample was divided into experimental and control groups for pre and post-intervention stages. This study utilized a True-Experimental design involving two groups of youth from different zones, with each group consisting of 33 individuals (experimental and control groups). The experimental group received a psychoeducation intervention comprising 7 sessions, while the control group did not receive any intervention. The results of the pre and post-tests comparison showed a significant increase in mean values for spirituality (pre-test mean score = 172.24 and post-test mean score = 188.12), self-assertiveness (pre-test mean score = 99.48 and post-test mean score = 106.42), and knowledge about drug abuse (pre-test mean score = 57.59 and post-test mean score = 65.61) for the experimental group that underwent the intervention facilitated by trained facilitators using this spiritual module. On the other hand, the control group's mean scores showed no improvement in all three variables examined. Based on the findings of this study, it can be concluded that the Spiritual-Based Drug and Substance Abuse Prevention Module (MPDKKP) can assist youth in avoiding drug and substance abuse and lead more positive lives.*

Keywords: Spirituality, Prevention Module, Drug Abuse, Self-Assetiveness, Module.

1. Pengenalan

Dadah telah diisytiharkan sebagai musuh nombor satu negara oleh Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Mantan Perdana Menteri Malaysia pada 19 Februari 1983 bersempena dengan sambutan Hari Anti Dadah Kebangsaan. Pihak kerajaan telah mendapati bahawa masalah dadah bukan lagi sekadar masalah sosial tetapi telah mula dianggap sebagai ancaman kepada keselamatan negara. Menyedari akan bahaya dadah, Dasar Dadah Kebangsaan telah diperkenalkan pada tahun 2004 bertujuan untuk mewujudkan negara Malaysia bebas daripada ancaman dadah menjelang 2015 bagi menjamin kesejahteraan hidup masyarakat, mengekalkan kestabilan dan ketahanan nasional. Tetapi setelah lapan tahun melepasi 2015, masalah penyalahgunaan dadah masih mengancam negara dan pihak kerajaan masih bekerja keras dalam membanteras masalah ini.

Berdasarkan laporan statistik dadah dunia yang dikeluarkan oleh United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC), seramai 271 juta iatau 5.5 peratus daripada penduduk dunia berumur 15-64 tahun menyalahguna dadah daripada tahun 2017 (United Nations Office on Drugs and Crime [UNODC], 2020). Kerajaan telah menghabiskan banyak dana untuk memerangi masalah dadah di Malaysia. Kumpulan belia ini merupakan tenaga kerja yang amat diperlukan oleh negara. Kesan daripada peningkatan keterlibatan golongan belia dengan dadah juga telah mengundang perlakuan jenayah dan meningkatnya kos pengawasan polis, kos rawatan kesihatan dan kos kebajikan untuk para penagih. Dalam jangka masa yang panjang ia turut memberi kesan mendalam kepada ekonomi negara.

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai program pencegahan dadah seperti inisiatif Perangi Dadah Habis-habisan (PDH) untuk mengurangkan jumlah kes penyalahgunaan dadah di kawasan berisiko tinggi. Menurut Maklumat Dadah (2020), sebanyak 9 buah program pencegahan yang telah dijalankan sepanjang tahun 2018 dan 2019. Namun begitu, pendekatan psikospiritual terhadap program-program pencegahan adalah terhad (Wazir et al., 2019). Malah, tidak banyak kajian yang memberi fokus untuk menerapkan nilai kerohanian dalam program pencegahan dadah (Wazir et al., 2020a). Program pencegahan sedia ada yang dijalankan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) juga bersifat umum dan tidak berfokus kepada elemen psikospiritual seperti Program Intelek Asuhan Rohani (PINTAR), Program Sifar Dadah Sekolah Rendah (PROSIDAR) Sayangi Hidup Elak Derita Selamanya (SHIELDS) dan Tomorrow Leader (Agensi Anti Dadah Kebangsaan, 2020). Oleh itu pengkaji melihat ini sebagai sesuatu keperluan untuk membina sebuah modul pencegahan dengan menggunakan elemen kerohanian, ketegasan sendiri dan pengetahuan serta menilai keberkesanannya.

2. Penyataan masalah

Pada tahun 2016 hingga 2019, AADK (2019) melaporkan terdapat peningkatan dalam jumlah kes penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja di bawah usia 18 tahun. Ini adalah perkara yang sangat membimbangkan kerana ia akan mendatangkan kesan yang buruk kepada negara.

Beberapa literatur menyatakan bahawa sumber mengenai pencegahan yang berasaskan pendekatan psikospiritual atau kerohanian adalah terbatas (Wazir et al., 2020b). Oleh itu, dengan menjalankan penyelidikan ini, penyelidik dapat memberi sumbangan terhadap perkembangan ilmu baru mengenai pencegahan. Analisis dan perbandingan kritikal terhadap keputusan ujian pra dan pasca dalam kumpulan kawalan dan eksperimen dapat dilaporkan melalui penyelidikan ini untuk mengetahui keberkesanan modul pencegahan berasaskan kerohanian untuk penyalahgunaan bahan.

Ketegasan sendiri juga ada dikaitkan dengan pencegahan. Sebagai contoh, seawal tahun 1975, ketegasan sendiri telah dilihat sebagai satu nilai yang dapat mencegah seseorang daripada terlibat dengan penagihan dadah. Kajian ini dijalankan oleh Horan, D'Amico dan Williams (1975) yang mengkaji hubungan antara asertif sendiri dan dadah yang digunakan dalam kalangan pelajar universiti. Hasil kajian mendapati, pelajar-pelajar yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah memperoleh skor ketegasan sendiri yang rendah berbanding pelajar yang tidak menggunakan dadah.

Kesedaran mengenai dadah adalah sebuah konsep yang dipelopori oleh Bryan (2000) melalui pengetahuan, sikap dan kepercayaan terhadap gejala penyalahgunaan dadah. Menurut Bryan (2000), kesedaran masyarakat terhadap bahaya penyalahgunaan dadah adalah penting untuk memastikan polisi yang dibina kerajaan dapat dipatuhi dan dilaksanakan. Secara umumnya, untuk mendapatkan kesedaran masyarakat, perlu menerima ilmu pengetahuan berkaitan penyalahgunaan dadah. Oleh itu, secara umumnya nilai kesedaran mengenai kepercayaan keburukan dadah akan dilihat sebagai elemen yang penting bagi pencegahan dalam kajian ini. Daripada perbincangan di atas, nilai psikologi iaitu kesedaran mengenai dadah, asertif sendiri dan lokus kawalan sendiri dilihat sebagai satu nilai yang boleh membantu golongan belia untuk menghadapi risiko pengaruh negatif daripada rakan sebaya. Kemudian nilai spiritual pula yang dilihat berkemungkinan dapat menjadi faktor pelindung bagi seseorang individu mendapat kurang perhatian didalam kajian program-program pencegahan. Melihat kepada jurang kajian

ini, pengkaji mengambil langkah untuk membina sebuah modul pencegahan yang berasaskan psikospiritual dengan menggabungkan nilai psikologi dan spiritual.

3. Sorotan Keperpustakaan

i) Pendekatan Kerohanian

Terapi psikospiritual Islam merupakan satu kaedah rawatan kerohanian yang berteraskan amalan-amalan Islam dan bersumberkan rujukan ketuhanan (Wazir et al., 2020a). Menurut Rezki Perdani (2012), inti pati kepada spiritual Islam merupakan kesedaran terhadap tauhid (Allah yang satu). Menurut Al-Ghazali di dalam (Sarmani & Ninggal, 2008) kerohanian seseorang muslim boleh dibentuk melalui empat komponen iaitu akidah, ibadah, penyucian daripada sifat mazmumah dan melengkapkan diri dengan sifat mahmudah.

Kajian dalam pendekatan kerohanian ini telah banyak dilakukan di Malaysia mahupun di luar negara. Hal ini kerana, kerohanian dilihat sebagai satu nilai dalam diri manusia yang boleh membantu manusia untuk membezakan perkara yang baik dan buruk sekaligus dapat mengawal diri untuk tidak melakukan perkara yang dilarang dalam agama. Menurut Az-Zahrani (2005), rawatan dan latihan yang berasaskan psikospiritual adalah penting kerana ia mampu mengembalikan pemantapan jiwa, memperkuatkan hati dan meneguhkan aspek spiritual atau kerohanian individu. Dalam kajian yang dijalankan oleh Md Noor (2012) asas teori Al-Ghazali telah digunakan dalam pembinaan Modul Bimbingan 'Tazkiyah An-Nafs' yang disasarkan terhadap remaja bagi menguji pemboleh ubah religiositi dan resiliensi. Kajian lain yang dijalankan oleh Che Haslina (2014) turut menjadikan model al-Ghazali sebagai sandaran dalam pembinaan modul bimbingan terhadap pelajar universiti bagi mengatasi masalah kebimbangan.

Pencegahan dadah telah diletakkan sebagai teras utama dasar dadah negara kerana ia melihat keberkesanan dan kepentingannya (Wazir et al., 2020b). Seperti yang diketahui umum, mencegah itu lebih baik daripada mengubati. Mencegah penyalahgunaan dadah melalui pendekatan-pendekatan psikospiritual Islam adalah berkesan dalam mengembalikan manusia kepada fitrahnya sebagai hamba Tuhan (Mohd Rusdan & Osman, 2015). Pendekatan psikospiritual Islam boleh menjadi terapi untuk merawat penyakit mental, mengisi kekosongan dalam diri, mengukuhkan identiti diri dan membina karakter individu yang baik (Wazir et al., 2019). Semua perkara ini dilihat dapat membentuk sebuah benteng pencegahan dadah yang kuat. Salah seorang ulama dan tokoh Islam yang popular ialah Imam al-Ghazali. Ketokohnya dalam dunia keilmuan serta kepakarannya dalam bidang tasawuf yang diiktiraf dunia Islam antara punca karyanya dipilih untuk perbincangan (Wazir et al., 2020b).

ii) Ketegasan Kendiri

Fishman, Wenzel, Vo, Wildberger dan Burgower (2021) menjalankan sebuah kajian untuk menguji keberkesanan modul Youth Opioid Recovery Support (YORS) dalam kalangan belia yang sedang mendapatkan rawatan pemulihan penagihan dadah jenis opioid. Modul YORS ini dibina untuk memberikan latihan kepada peserta untuk meningkatkan ketegasan sendiri dalam kalangan peserta dan membandingkan keberangkalian relaps antara belia yang menerima intervensi YORS dan belia yang menerima rawatan yang biasa. Hasil kajian mendapati bahawa peserta yang menerima intervensi YORS mengambil masa yang lama untuk *relaps* kembali berbanding belia yang menerima rawatan biasa. Ini menunjukkan, modul yang dihasilkan dapat memberikan kesan terhadap tempoh penjarakan relaps selepas selesai sesi rawatan dan pemulihan. Walaupun modul ini membuat kajian dalam pencegahan relaps, dapatan kajian ini adalah dilihat sebagai satu dapatan yang bermakna untuk mengkaji keberkesanan nilai ketegasan sendiri dalam mencegah seseorang daripada terlibat dalam penagihan dadah.

Kesimpulannya, ketegasan sendiri ini boleh dilihat sebagai satu nilai yang penting untuk mencegah tingkah laku pengihan dadah.

iii) Pengetahuan Keburukan Penyalahgunaan Dadah

Menurut Marican (2005), kesedaran ialah kepekaan terhadap sesuatu perkara, peristiwa, objek, rawatan dan juga kesan bagi individu. Kamus Macmillan (2010) pula mendefinisikan kesedaran sebagai pengetahuan atau pemahaman tentang sesuatu perkara, isu atau situasi. Manusia mempunyai keupayaan untuk melihat sesuatu atau situasi di sekeliling mereka. Dalam penyelidikan ini, kesedaran tertumpu kepada pemahaman manusia tentang pengetahuan penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia. Kesedaran ialah tahap pengetahuan seseorang tentang sesuatu yang berlaku di sekeliling mereka (Koharuddin, Durrishah, Azhar, Sharili & Adanan, 2004). Kesedaran dan pengetahuan tentang penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia adalah penting bagi mengelakkan mereka terlibat dalam gejala dadah.

Antara elemen kesedaran ialah pengetahuan dan ini dijelaskan oleh penyelidik sebelum ini seperti Bryan, Moran, Farrell, O'Brien (2000). Siddiqui & Salim (2016) telah menjalankan satu kajian melibatkan golongan muda yang menunjukkan perkaitan positif antara kesedaran tentang penyalahgunaan bahan dan sikap mereka terhadap dadah. Dalam kajian ini, sampel dipilih secara rawak dengan melibatkan 1100 pelajar sekolah menengah untuk mengkaji tahap kesedaran mereka terhadap penyalahgunaan bahan. Hasil kajian menunjukkan tahap kesedaran pelajar adalah berbeza mengikut tahap umur. Ini menunjukkan bahawa pelajar yang lebih berumur mempunyai kesedaran yang lebih baik daripada rakan mereka yang lebih muda. Sebanyak 82.4% pelajar mempunyai kesedaran yang mencukupi mengenai penyalahgunaan bahan. Terdapat hubungan yang signifikan antara kesedaran yang baik dengan umur, tahun pengajian, subjek dan status kewarganegaraan Saudi. Manakala terdapat juga hubungan yang signifikan antara kesedaran dengan pendidikan ibu bapa, pendapatan keluarga dan status ibu bapa yang tinggal bersama.

Namun begitu, kajian yang dijalankan oleh Ahmad et al. (2015) menunjukkan dapatan kajian yang berbeza. Kajian ini dijalankan di Kashmir dilakukan untuk mengetahui kesedaran mengenai penagihan dadah dengan melibatkan sebanyak 400 belia dalam kalangan pelajar. Majoriti belia di Kashmir telah tertarik dengan dadah kerana mereka mudah terpengaruh dengan orang lain dan mula mengambil dadah atau merokok secara kerap pada usia sebelum umur 18 tahun. Dapatan kajian mendapati bahawa responden tidak mempunyai kesedaran yang baik terhadap penagihan dadah. Hal ini kerana, kebanyakan responden tidak mengawal penggunaan dadah dan menganggap pengambilan dadah yang tidak sah itu sebagai pengambilan ubat yang biasa. Ini menunjukkan kesedaran dan pengetahuan mengenai penyalahgunaan dadah itu penting untuk mencegah seseorang daripada terlibat dalam penagihan dadah. Untuk mendapatkan kesedaran mengenai dadah, individu perlu mempunyai pengetahuan yang betul mengenai dadah.

4. Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji keberkesanan Modul Pencegahan Penyalahgunaan Bahan Berasaskan Kerohanian, Pengetahuan dan Ketegasan Kendiri (MPDKKP) terhadap pemboleh ubah kepada golongan belia di Kawasan berisiko. Berikut adalah objektif kajian ini:

- i. Untuk melihat kesan modul MPDKKP pencegahan penyalahgunaan dadah terhadap kerohanian dalam kalangan kumpulan eksperimen dan kawalan di peringkat pra dan pasca

- ii. Untuk melihat kesan modul MPDKKP pencegahan penyalahgunaan dadah terhadap ketegasan sendiri dalam kalangan kumpulan eksperimen dan kawalan di peringkat pra dan pasca
- iii. Untuk melihat kesan modul MPDKKP pencegahan penyalahgunaan dadah terhadap pengetahuan tentang penyalahgunaan dadah dalam kalangan kumpulan eksperimen dan kawalan di peringkat pra dan pasca

5. Hipotesis Kajian

Ho¹: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kerohanian pada peringkat pra dan pasca setelah kumpulan eksperimen dan kawalan yang melalui modul MPDKKP

Ho²: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan ketegasan sendiri pada peringkat pra dan pasca setelah kumpulan eksperimen dan kawalan yang melalui modul MPDKKP

Ho³: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pengetahuan tentang penyalahgunaan dadah pada peringkat pra dan pasca setelah kumpulan eksperimen dan kawalan yang melalui modul MPDKKP.

6. Metodologi

Kaedah Kajian

Kajian ini berbentuk kajian eksperimen tulen yang bertujuan untuk melihat kesan modul kerohanian penyelidik kepada sample kajian. Cresswell (2014) mendefinisikan kajian eksperimen sebagai sebuah kajian untuk menguji sesuatu idea atau prosedur atau praktis untuk melihat sama ada ianya mempengaruhi pemboleh ubah yang diuji. Menurut Sidek (2002), kajian reka bentuk 64 eksperimen dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti sebab dan kesan dengan sesuatu kumpulan dengan satu intervensi dan membandingkan keputusan dengan kumpulan kawalan yang tidak menerima intervensi.

Shaughnessy et al., (2012), menyatakan keistimewaan dan kekuatan kajian eksperimen ialah kaedah ini sangat berkesan dalam menunjukkan hubungan sebab dan akibat (Cause and Effect). Eksperimen juga membolehkan pengkaji membuat keputusan sama ada intervensi atau rawatan yang diberikan, dapat mengubah sesuatu tingkah laku yang dikaji. Chua (2020) menyatakan reka bentuk kajian eksperimen direka untuk menilai keberkesanan sesuatu program dengan menekankan perbandingan antara dua atau lebih set data-data. Reka bentuk eksperimen memberi keyakinan kepada pengkaji bahawa pemerhatian dalam kajian iadalah akibat daripada pengaruh program tersebut. Menurut Cresswell (2015), Kajian Eksperimen yang membandingkan kumpulan sampel terbahagi kepada tiga jenis iaitu eksperimen tulen, eksperimen kuasi, dan reka bentuk faktorial.

Kajian eksperimen tulen ini dilihat sebagai kajian eksperimen yang paling kukuh dalam melihat keberkesanan sesuatu intervensi kerana ia melibatkan sampel yang diperolehi secara rawak sepenuhnya.

Sampel Kajian

Kajian ini berbentuk eksperimental dan 33 orang telah terpilih untuk menjadi ahli dalam kumpulan eksperimen dan 33 orang lagi dalam kumpulan kawalan. Berikut merupakan langkah-langkah yang dijalankan oleh penyelidik dalam pemilihan sampel:

- Pengkaji akan menghubungi Majlis Belia Daerah untuk mendapatkan senarai persatuan belia yang berdaftar di bawah Majlis Belia Daerah.
- Bagi pemilihan sampel bagi kumpulan eksperimen, kesemua ahli daripada persatuan belia akan diberikan soalan bagi ujian pra dalam bentuk borang. Soalan ujian pra ini akan melibatkan tiga alat ukur yang telah dipilih untuk mengukur keberkesanan modul ini.
- Pengkaji akan memilih sampel yang mempunyai skor min yang sederhana atau rendah dalam ujian pra ini untuk dijadikan sebagai sampel bagi kumpulan eksperimen.
- Pengkaji memilih sampel yang mempunyai skor min yang rendah bagi ujian pra kerana ingin melihat keberkesanan modul setelah modul dijalankan.

Kaedah Pengumpulan Data

Berikut merupakan langkah-langkah dalam mengumpul data di peringkat pra dan pasca ujian eksperimen:

- Setelah mendapat persetujuan pengkaji akan menghantar borang persetujuan termaklum dan instrumen ujian pra kepada responden untuk diisi.
- Ujian pra ini dilaksanakan untuk mengenal pasti sampel yang mempunyai skor min yang sederhana atau rendah bagi tiga pemboleh ubah bersandar.
- Pengkaji akan memilih 80 responden yang mempunyai skor rendah dan dibahagikan kepada kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan.
- Setelah menetapkan responden bagi kumpulan eksperimen, pengkaji akan melantik empat orang fasilitator sebagai pelaksana modul.
- Pengkaji akan melatih fasilitator ini untuk memahami objektif modul dan memahami bagaimana untuk melaksanakan modul tersebut. Kemudian, fasilitator akan melaksanakan modul tersebut kepada kumpulan eksperimen.
- Setelah selesai pelaksanaan modul dijalankan, pengkaji akan memberikan sekali lagi instrumen-instrumen sebagai ujian pasca untuk diisi.

Analisis Data

Kajian ini akan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Programme for the Social Sciences*) Versi 23 untuk menganalisis data-data kuantitatif. Analisis data bagi setiap objektif ditunjukkan seperti jadual 1 di bawah:

Jadual 1. Jadual cara analisis data berdasarkan objektif kajian dan alat ukur yang digunakan

No.	Objektif	Cara Penganalisa Data	Alat Ukur
1.	Untuk mengkaji keberkesanan terhadap pemboleh ubah kerohanian .	Analisis Ujian T	Muslim Spiritual Quotient Inventory (MSQI)
2.	Untuk mengkaji keberkesana terhadap pemboleh ketegasan sendiri	Analisis Ujian T	Rathus Assertiveness Schedule (RAS)
3.	Untuk mengkaji keberkesanan terhadap pemboleh ubah Pengetahuan dan Sikap tentang penyalahgunaan dadah	Analisis Ujian T	ACREDA Awareness Scale

Pengkaji akan menggunakan ujian analisis Ujian T untuk mengenal pasti kesan sebelum dan selepas modul dijalankan terhadap pemboleh ubah bersandar iaitu kerohanian, kepercayaan mengenai dadah dan ketegasan kendir dengan membuat perbandingan kesan modul pada kumpulan eksperimen dengan kumpulan rawatan pada peringkat pra dan pasca. Ibrahim Ahmad dan Shafinah Kamarudin (2018), Ujian T digunakan untuk melihat tahap signifikan dalam eksperimen. Untuk menilai perbezaan ujian pencapaian pra bagi kumpulan kawalan dan rawatan, penyelidik menggunakan ujian t sampel tidak bersandar untuk mengetahui adakah terdapat perbezaan ujian pencapaian bagi kedua-dua kelas tersebut.

7. Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di sebuah kawasan hot spot di sebuah negeri di utara semenanjung Malaysia. Kawasan ini merupakan antara kawasan yang telah di kenalpasti oleh pihak AADK sebagai tempat yang mempunyai masalah penyalahgunaan dadah (hot spot).

8. Keputusan Kajian

Jadual 2 dibawah merupakan jadual kesan modul MPDKKP pencegahan penyalahgunaan dadah terhadap kerohanian, pengetahuan dan ketegasan sendiri sampel kumpulan eksperimen dan kawalan di peringkat pra dan pasca kajian eksperimen.

Jadual 2 : Keputusan Ujian Pra dan Pasca kesan modul MPDKKP pencegahan penyalahgunaan dadah terhadap kerohanian, pengetahuan dan ketegasan sendiri sampel kumpulan eksperimen dan kawalan.

Pembolehubah	Kumpulan dan Bilangan sampel (n)	Min	SD	t	df	sig. (2-tailed)
<i>Kerohanian</i>	Experimen					
	Pre-test (n = 33)	172.24	25.520	-3.686	32	0.001
	Post-test (n = 33)	188.12	6.014			
	Kawalan					
	Pre-test (n = 33)	176.00	21.832	1.377	32	0.178
	Post-test (n = 33)	170.61	8.370			
<i>Ketegasan sendiri</i>	Experimen					
	Pre-test (n = 33)	99.48	7.608	-2.143	32	.040
	Post-test (n = 33)	106.42	14.830			
	Kawalan					
	Pre-test (n = 33)	101.18	13.242	.130	32	.897
	Post-test (n = 33)	100.76	12.124			
<i>Pengetahuan</i>	Experimen					
	Pre-test (n = 33)	57.97	4.012	-7.912	32	.000
	Post-test (n = 33)	65.61	2.999			
	Kawalan					
	Pre-test (n = 33)	58.09	4.653	1.023	32	.314
	Post-test (n = 33)	57.06	4.555			

Hasil Keputusan Kerohanian, Pengetahuan dan Ketegasan Kendiri Terhadap Kumpulan Eksperimen dan Kawalan

i) Kesan Modul MPDKKP Terhadap Kerohanian Kendiri Kumpulan Kajian Eksperimen dan Kawalan

Berdasarkan Jadual 1.1, kesan modul MPDKKP pencegahan penyalahgunaan dadah terhadap kerohanian kajian kumpulan eksperimen dan kawalan di peringkat pra dan pasca, nilai t kumpulan eksperimen yang tercatat adalah -3.686 ($p=0.001 < 0.05$). dengan itu hipotesis null

(H_0^1) ditolak. Keputusan ini menunjukkan bahawa sample kajian eksperimen yang mengikuti modul MPDKKP ini memberi kesan kepada responden dari segi kerohanian diri mereka. Berbeza dengan kumpulan kawalan, dimana nilai t kumpulan kawalan yang tercatat adalah 1.377 ($p=0.178>0.05$), dan nilai min antara pra dan pasca kumpulan juga menunjukkan kejatuhan (Ujian Pra =176.00, Pasca Test =170.61). Malah jika dibandingkan antara Kumpulan eksperimen dan kawalan pula menunjukkan nilai min kumpulan eksperimen Kumpulan eksperimen lebih tinggi daripada nilai min kumpulan kawalan (Kumpulan eksperimen =188.12, Kumpulan kawalan =170.61).

ii) Kesan Modul MPDKKP Terhadap Ketegasan Kendiri Kumpulan Eksperimen dan Kawalan
Berdasarkan Jadual 1.1, kesan modul MPDKKP pencegahan penyalahgunaan dadah terhadap ketegasan sendiri sample kajian kumpulan eksperimen dan kawalan di peringkat pra dan pasca, nilai t kumpulan eksperimen yang tercatat adalah -2.143 ($p=0.040<0.05$). dengan itu hipotesis null (H_0^2) ditolak. Keputusan ini menunjukkan bahawa sample kajian eksperimen yang mengikuti modul MPDKKP ini memberi kesan kepada responden dari segi ketegasan sendiri. Berbeza dengan kumpulan kawalan, dimana nilai t kumpulan kawalan yang tercatat adalah .130 ($p=0.897>0.05$), dan nilai min antara pra dan pasca kumpulan juga menunjukkan kejatuhan (Ujian Pra = 101.18, Ujian Pasca = 100.76). Malah jika dibandingkan antara Kumpulan eksperimen dan kawalan pula menunjukkan nilai min kumpulan eksperimen Kumpulan eksperimen lebih tinggi daripada nilai min kumpulan kawalan (Kumpulan eksperimen = 106.42, Kumpulan kawalan = 100.76).

iii) Kesan Modul MPDKKP Terhadap Pengetahuan Tentang Penyalahgunaan Dadah Kumpulan Kajian Eksperimen dan Kawalan

Berdasarkan Jadual 1.1, kesan modul MPDKKP pencegahan penyalahgunaan dadah terhadap pengetahuan tentang penyalahgunaan dadah kumpulan kajian eksperimen dan kawalan di peringkat pra dan pasca, nilai t kumpulan eksperimen yang tercatat adalah -7.912 ($p=0.000<0.05$). dengan itu hipotesis null (H_0^3) ditolak. Keputusan ini menunjukkan bahawa sample kajian eksperimen yang mengikuti modul MPDKKP ini memberi kesan kepada responden dari segi kerohanian diri mereka. Berbeza dengan kumpulan kawalan, dimana nilai t kumpulan kawalan yang tercatat adalah 1.023 ($p=0.314>0.05$), dan nilai min antara pra dan pasca kumpulan kawalan juga menunjukkan kejatuhan (Ujian Pra = 58.09, Pasca Test =57.06). Malah jika dibandingkan antara Kumpulan eksperimen dan kawalan pula menunjukkan nilai min kumpulan eksperimen Kumpulan eksperimen lebih tinggi daripada nilai min kumpulan kawalan (Kumpulan eksperimen = 65.61, Kumpulan kawalan = 57.06).

9. Perbincangan

Modul MPDKKP yang diuji keberkesannya menunjukkan terdapat impak yang positif terhadap kumpulan eksperimen dari segi keputusan mean kajian pra dan pasca. Peningkatan keputusan tiga pemboleh ubah ini, kerohanian, ketegasan sendiri dan kepercayaan tentang keburukan penyalahgunaan dadah pada peringkat pasca dapat membantu meningkatkan kesedaran dan daya tindak yang baik untuk berhadapan dengan penyalahgunaan dadah.

Berdasarkan Jailani (2015), mencegah penyalahgunaan dadah melalui pendekatan-pendekatan psikospiritual Islam atau kerohanian adalah berkesan dalam mengembalikan manusia kepada fitrahnya sebagai hamba tuhan. Kajian yang dijalankan oleh Horan, D'Amico dan Williams (1975) pula mengkaji hubungan antara ketegasan sendiri dan dadah yang digunakan dalam kalangan pelajar universiti. Hasil kajian mendapati, pelajar-pelajar yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah memperoleh skor ketegasan sendiri yang rendah berbanding pelajar

yang tidak menggunakan dadah. Kepercayaan tentang keburukan penyalahgunaan dadah adalah penting bagi meningkatkan kesedaran tentang penyalahgunaan dadah. Bryan (2000) menjelaskan konsep kesedaran mengenai dadah iaitu pengetahuan, sikap dan kepercayaan (Knowledge, Attitude & Belief) terhadap penyalahgunaan dadah. Menurut Chakravarthy, Shah & Lotfipour (2013), kesedaran terhadap bahaya dadah dilihat sebagai elemen penting dalam pencegahan.

Menurut kajian yang dijalankan oleh *National Centre on Addiction and Substance Abuse* (2011) di Amerika Syarikat, individu dewasa yang tidak meletakkan nilai tinggi pada kepercayaan agama mereka adalah tiga kali ganda lebih berkemungkinan untuk mengambil minuman keras dan hampir empat kali ganda lebih berkemungkinan untuk menggunakan dadah terlarang. Tinjauan itu juga mendapati individu yang tidak pernah menghadiri aktiviti keagamaan adalah lima kali ganda lebih berkemungkinan menggunakan dadah terlarang dan hampir tujuh kali ganda lebih berkemungkinan untuk mengambil minuman keras berbanding individu yang terlibat dengan aktiviti keagamaan sekurang-kurangnya sekali seminggu. Menurut kajian ini, agama dan kerohanian boleh memainkan peranan yang kuat dalam pencegahan dan rawatan penyakit, serta individu yang mempunyai kepercayaan agama atau rohani yang kuat lebih sihat, sembuh lebih cepat, dan hidup lebih lama berbanding individu yang tidak mempunyainya. (*National Centre on Addiction and Substance Abuse*, 2011).

Dalam kajian yang dijalankan oleh Omura et al. (2017, 2019) telah mendapati bahawa Latihan ketegasan (*Assertiveness training*) untuk mengukuhkan kemahiran "mengatakan tidak" adalah satu kaedah intervensi yang sistematik di mana pelajar diajar tingkah laku sosial yang betul untuk meluahkan perasaan, sikap, keinginan, pandangan dan minat supaya mereka dapat meluahkan idea, kepercayaan, perasaan, dan emosi dengan mudah dan tanpa rasa takut dan bimbang. Dalam satu kajian lain yang dijalankan oleh Ganji et al. (2022) turut mendapati bahawa sebelum program latihan bermula, min skor kecenderungan penggunaan dadah tidak berbeza secara signifikan antara kumpulan intervensi dan kawalan dan kedua-dua kumpulan adalah sama dalam skor, tetapi selepas latihan ketegasan yang diadakan dalam lapan sesi 1 jam, skor kecenderungan penggunaan dadah jauh lebih rendah seurus selepas kursus latihan dan dalam susulan 2 bulan bagi kumpulan intervensi daripada kumpulan kawalan. Hal ini menunjukkan efikasi positif dalam program latihan ketegasan dalam mengurangkan kecenderungan penggunaan dadah. Dapatan ini juga sejajar dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Rosemary et al. (2020) di mana kajian tersebut bertujuan membandingkan ketegasan dan harga diri seseorang di pusat pemulihan untuk masalah penagihan dadah dengan mereka yang bukan pengguna dadah.

Keputusan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik dalam kedua-dua pembolehubah antara kedua-dua kumpulan. Individu yang mempunyai masalah ketagihan dadah menunjukkan paras ketegasan diri dan harga diri yang lebih rendah berbanding kumpulan kawalan. Dapatan ini juga konsisten dengan kajian yang dijalankan oleh Rosemary et al. (2020), yang membandingkan ketegasan dan harga diri individu di fasiliti rawatan penagihan dadah dengan bukan pengguna dadah. Kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik dalam kedua-dua pembolehubah antara kedua-dua kumpulan. Penagih dadah menunjukkan tahap harga diri dan ketegasan diri yang lebih rendah berbanding kumpulan kawalan.

Menurut Haddad, Shotar, Umlauf, dan Al-Zyoud (2010), kebanyakan orang pernah mendengar tentang penyalahgunaan dadah dan separuh daripada mereka mengetahui tentang penyalahgunaan bahan termasuk dadah yang memabukkan seperti ganja dan kokain. Ini

menunjukkan ramai orang telah mendengar tentang dadah tetapi sesetengah daripada imereka tahu tentang dadah kerana orang tidak menganggap penting tentang dadah. Pengetahuan tentang penyalahgunaan dadah membuat orang percaya bahawa dadah membawa kepada kesihatan yang buruk, masalah pernafasan, dan penyakit jantung. Kebanyakan orang juga sedar bahawa penyalahgunaan dadah tidak diterima oleh masyarakat dan membuat mereka berfikir tentang akibat negatif daripada penyalahgunaan dadah. Pengetahuan tentang penyalahgunaan dadah meningkatkan pengetahuan dan kesedaran untuk Masyarakat untuk berfikir dalam jangka masa yang panjang tentang kesan penyalahgunaan dadah dan pengetahuan ini sangat elok untuk dikembangkan kepada pelajar di peringkat sekolah rendah. Hasil keputusan kajian keberkesanan modul MPDKKP menunjukkan peningkatan pengetahuan tentang penyalahgunaan dadah dalam kalangan peserta kajian eksperimen dan ini sedikit sebanyak membantu para belia dalam meningkatkan kesedaran mereka tentang bahaya penyalahgunaan dadah.

Dalam membincangkan aspek kepercayaan terhadap kemudatan penggunaan dadah, *The Theory of Planned Behavior* (TPB) yang diperkenalkan oleh Ajzen (1991) adalah suatu instrument yang bertepatan dengan pembolehubah yang dikaji dalam kajian ini. Model ini mengandaikan bahawa keperluan yang dirasakan individu adalah komponen niat untuk mendapatkan rawatan dan tindakan tertentu (seperti mencari atau menggunakan rawatan) didahului dan diramalkan oleh niat individu tersebut (Ajzen, 2001, 2002). Tiga jenis kepercayaan yang ada dalam diri individu termasuklah sikap dan kepercayaan tentang tingkah laku dan kesannya, kepercayaan tentang norma sosial yang berkaitan dengan tingkah laku (*perceived norms*), dan kepercayaan tentang keupayaan seseorang untuk terlibat dalam tingkah laku dan kawalannya terhadap tingkah laku (*perceived control*). Kepercayaan ini juga hadir sebelum niat. Selain itu, kajian oleh Palamar (2013) mendapati kepercayaan dan pendapat berpandukan maklumat yang tidak betul boleh memudaratkan pengguna dadah.

Kajian ini dapat membantu ahli akademik, agensi kerajaan berkaitan dan pemimpin masyarakat untuk melihat sejauh mana keberkesanan program pencegahan kerohanian ini dapat memberikan kesan terhadap peningkatan nilai kerohanian, kepercayaan keburukan mengenai dadah, dan ketegasan sendiri seseorang individu dapat mengurangkan kes penyalahgunaan dadah di Malaysia. kajian ini juga dapat menyumbang dalam bidang ilmu untuk menunjukkan bagaimana elemen kerohanian memainkan peranan penting untuk menjadi perisai dalam mencegah golongan belia dari penyalahgunaan bahan dan dadah. Secara umumnya, ketiga-tiga elemen (Kerohanian, Ketegasan dan Pengetahuan Tentang Keburukan dadah) membantu dalam mencegah penyalahgunaan bahan oleh belia yang telah melalui modul MPDKKP.

10. Limitasi

Kajian ini hanya dijalankan di sebuah tempat di *hot spot* yang telah di nyatakan oleh pihak AADK dan buka keseluruhan *hot spot* yang disenaraikan. Kajian ini hanya dijalankan kepada belia dari kumpulan eksperimen dalam jangka masa pendek dan bukan melihat kesan jangka masa yang Panjang. Penyelidik akan menjalankan sebuah lagi eksperimen dan melihat kesan jangka masa Panjang iaitu 3 hingga 6 bulan setelah melalui modul MPDKKP.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia melalui Skim Bantuan Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) – Projek Kumpulan 6, bertajuk ‘Pembangunan Modul Pencegahan Berasaskan Psikospiritual untuk Komuniti Bebas Dadah’ Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) kod sumbangan: USIM / LRGS / FKP / 50119. Projek penyelidikan ini

adalah sebahagian daripada projek LRGS 'Fostering Long-term Change to Create Drug-Free community in Malaysian Youth: Understanding the Trajectories and Genetics in the Development of Effective Prevention and Intervention Model with Smart Geo-Spatial Apps monitoring' (JPT Grant Code No. LRGS/1/2019/UKM-USIM/02/2/6); dalam kerjasama dengan penyelidik dari Pusat Penyelidikan Penyalahgunaan Dadah Asia, Universiti Sains Islam Malaysia, dan pasukan lain dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Pendidikan Sultan Idris, dan Universiti Malaysia Terengganu.

Rujukan

- Abadi, Z. M. H., Heydari Soorshjani, R., Rajaei Rizi, F., & Akrami, L. (2020). Investigating the Relation between Religious Orientation and Locus of Control with Tendency toward Substance Abuse, Case study: Addicts and Non-Addicts Men, Isfahan, 2018. *Journal of Community Health Research*. <https://doi.org/10.18502/jchr.v9i4.4976>
- Abd. Hamid, Mohd. Azhari, Mat Junoh, Adanan, Md. Shah, Ishaki, Mohd. Balwi, & Mohd. Koharuddin. (2004). *Pembelajaran Arahan Kendiri Dan Hubungannya Dengan Kefahaman Terhadap E-Pembelajaran: Satu Kajian Di Kalangan Staf Akademik Universiti Teknologi Malaysia, Skudai*. Project Report. Universiti Teknologi Malaysia.
- Agensi Anti Dadah Kebangsaan. (2019). *Buku Maklumat Dadah 2019*. In Maklumat Dadah 2019.
- Ahmad, B., Bhat, Rahi S., & Sidiq, M. M. (2015). Awareness of Drug Addiction Among College Students of Kashmir Valley. *International Journal of Education and Research*, 1(1), 1–14. https://www.researchgate.net/publication/308994800_Awareness_Of_Drug_Addiction_Among_College_Students_Of_Kashmir_Valley
- Ahmad, Ibrahim, & Shafinah, Kamarudin. (2018). *Kajian Kuantitatif: Apa Jenis Analisis Nak Guna?*
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*. 50, 179–211.
- Ajzen, I. (2001). Nature and operation of attitudes. *Annual Review Psychology*. 52. 27–58.
- Ajzen, I. (2002). Perceived behavioral control, self-efficacy, locus of control, and the theory of planned behavior. *Journal of Applied Social Psychology*. 32. 665–683.
- Az-Zahrani, M. B. S. (2005). *Konseling Terapi*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Bryan, A., Moran, R., Farrell, E., & O'Brien, M. (2000). *Drug-related knowledge, attitudes, and beliefs in Ireland: A report of a nation-wide survey*. Dublin: The Health Research Board. Contact Detail.
- Chakravarthy, B., Shah, S., & Lotfpour, S. (2013). Adolescent drug abuse - Awareness & prevention. *Indian Journal of Medical Research*, 137(6), 1021–1023. Wolters Kluwer--Medknow Publications. Retrieved from <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC3734705/>
- Che Haslina binti Abdullah. (2014). Intervensi Modul Bimbingan Islam Terhadap Masalah Kecelaruhan Kebimbangan Umum Dalam Kalangan Pelajar Universiti: Satu Kajian Kes. *Applied Microbiology and Biotechnology*, 85(1), 2071–2079.
- Chua, Y. P. (2020). *Mastering Research Statistics* (2nd ed., Issue May). McGraw-Hill.
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches* (4th ed.). Sage.
- Creswell, J. W. (2015). *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research* (5th ed.). Pearson.
- Fishman, M., Wenzel, K., Vo, H., Wildberger, J., & Burgower, R. (2021). A pilot randomized

- controlled trial of assertive treatment including family involvement and home delivery of medication for young adults with opioid use disorder. *Addiction*, 116(3), 548–557. <https://doi.org/10.1111/add.15181>
- Ganji, F., Khani, F., Karimi, Z., & Rabiei, L. (2022). Effect of assertiveness program on the drug use tendency, mental health, and quality of life in clinical students of Shahrekord University of Medical Sciences. *Journal of education and health promotion*, 11, 48. https://doi.org/10.4103/jehp.jehp_107_21.
- Haddad, L., Shotar, A., Umlauf, M., & Al-Zyoud, S. (2010). Knowledge of substance abuse among high school students in Jordan. *Journal of transcultural nursing : official journal of the Transcultural Nursing Society*, 21(2), 143–150. <https://doi.org/10.1177/1043659609357632>
- Horan, J. J., D’Amico, M. M., & Williams, J. M. (1975). Assertiveness and patterns of drug use: A pilot study. *Journal of Drug Education*, 5(3), 217–221. <https://doi.org/10.2190/NLB1-T51N-B58Q-6BTP>
- Lassi, G., Taylor, A. E., Mahedy, L., Heron, J., Eisen, T., & Munafo, M. R. (2019). Locus of control is associated with tobacco and alcohol consumption in young adults of the Avon Longitudinal Study of Parents and Children. *Royal Society Open Science*, 6(3). <https://doi.org/10.1098/rsos.181133>
- Macmillan Dictionary. (2010). *Macmillan English Dictionary for Advanced Learners*. Macmillan Education.
- Marican, S. (2005). *Membentuk Suasana Kerja Positif*. Utusan Publications.
- Md Noor, S. (2012). *Pembinaan Modul Bimbingan “Tazkiyah An-Nafs” dan Kesannya ke atas Religiositi dan Resiliensi Remaja*. In Universiti Utara Malaysia. University Utara Malaysia.
- Mohd Rushdan, M. J., & Osman, A. B. (2015). Integrasi Terapi Psikospiritual Islam Dalam Modul Rawatan Dan Rehabilitasi Berasaskan TC (Therapeutic Community). *International Drug Prevention and Rehabilitation Conference (Prevent 2015)*, 11, 98– 109. http://ddms.usim.edu.my/bitstream/123456789/14898/1/Bab_11_Integrasi_Terapi_Psikospiritual_Islam_Dalam_Modul_Rawatan_Dan_Rehabilitasi_Berasaskan_Tc_Therapeutic_Community.pdf
- National Center on Addiction and Substance Abuse. (2011). *Adolescent Substance Use: America’s #1 Public Health Problem*. New York, NY: The National Center on Addiction and Substance Abuse. Retrieved from <http://www.centeronaddiction.org/addiction-research/reports/adolescent-substance-use>.
- Omura, M., Levett-Jones, T., Stone, T.E. (2019). Design and evaluation of an assertiveness communication training programme for nursing students. *Journal of Clinical Nursing*.28. 1990–1998.
- Omura, M., Maguire, J., Levett-Jones, T., Stone, T.E. (2017). The effectiveness of assertiveness communication training programs for healthcare professionals and students: A systematic review. *International Journal of Nursing Student*.76, 120–128.
- Palamar J. J. (2013). An examination of beliefs and opinions about drug use in relation to personal stigmatization towards drug users. *Journal of psychoactive drugs*, 45(5), 367–373. <https://doi.org/10.1080/02791072.2013.843044>
- Rosemary, C. M., Appolos, C. N., Paul, C. O., Kennedy, U.A., Callista, U.N. Jaclyn I. O. (2020). Assertiveness and self-esteem of persons with drug use problems in a developing country: A comparative study. *Nigerian Journal of Psychological Research*, 16 (2). 136-142.
- Rotter, J. B. (1966). Generalized expectancies for internal versus external control of reinforcement. *In Psychological monographs* 80(1), 1–28.

- <https://doi.org/10.1037/h0092976>
- Sarmani, Y., & Ninggal, M. T. (2008). *Teori kaunseling Al-Ghazali*. PTS Islamika.
- Sawai, R. P., Baharudin, D. F., & bin Mahyuddin, M. K. (2012). *Integrating Spirituality into Counseling: An Insight*.
- Shafie, A. A. H. Bin, Miskam, N. A. B. A., Rozubi, N. B. C., & Anuar, A. A. Bin. (2018). Enhancing the Self-Efficacy and Assertiveness Level Among the Bullied Victim School Students by Using Cognitive Behaviour Therapy (CBT) in Group Counselling Approach. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(1). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v8-i1/3809>
- Shaughnessy, J. J., Zechmeister, E. B., & Zechmeister, J. S. (2012). *Research Methods in Psychology* (9th ed.). McGraw-Hill.
- Sidek, M. N. (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori, dan Praktis*. Universiti Putra Malaysia Press.
- Siddiqui, A., & Salim, A. (2016). Awareness of substance use and its associated factors in young Saudi students. *Journal of Medical and Allied Sciences*, 6(2), 61. <https://doi.org/10.5455/jmas.217010>
- United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC). (2020). *World Drug Report 2020: Drug Use and Health Consequences*. Retrieved from <https://wdr.unodc.org/wdr2020/en/drug-usehealth.html>
- Wazir, R., Usman, A. H., Saleh, N. M., Sudi, S., Hadi, A., Syamim, A., & Rosman, Z. (2019). Hadis Targhib Dan Tarhib Dalam Menangani Isu Penagihan Dadah: *HADIS*, 9(17), 48–64. <https://doi.org/10.53840/HADIS.V9I17.56>
- Wazir, R., Usman, A. H., Mohd Salleh, N., Sudi, S., Awang, A. H., & Rosman, S. (2020a). Pencegahan dadah dalam kalangan belia berisiko melalui elemen penghayatan akidah. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 5(2), 415–424. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v5i2.95>
- Wazir, R., Usman, A. H., Mohd Salleh, N., Sudi, S., Awang, A. H., & Rosman, S. (2020b). Pencegahan dadah golongan berisiko menurut pendekatan psikospiritual al-Ghazālī. (W. 505 H.). *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 5(2), i391–403. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v5i2.91>